

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

KETAHUI LEBIH LANJUT:

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) menyediakan beberapa maklumat penting yang perlu anda pertimbangkan sebelum membeli polisi insurans perubatan yang boleh memenuhi keperluan. Anda perlu membaca kontrak polisi insurans anda dengan teliti untuk maklumat lengkap mengenai perlindungan anda. **LLP ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan berdasarkan lelaki sihat berumur 30 tahun yang tidak merokok dan bekerja di pejabat.**



Cara 1 Adakah polisi ini sesuai untuk anda?

- Polisi ini memberi perlindungan terhadap perbelanjaan kemasukan ke hospital dan pembedahan ("H&S") dan rawatan pesakit luar disebabkan kecederaan yang tidak disengajakan atau penyakit sehingga umur 100.
- Kelebihan Naik Taraf dimana anda mempunyai pilihan untuk menaik taraf kepada plan perubatan baharu selepas 5 tahun tanpa pengunderaitan perubatan, tertakluk kepada terma dan syarat.
- Premium anda akan dikumpulkan bersama premium pemilik polisi lain untuk membayar tuntutan. Jika jumlah tuntutan yang dibayar daripada kumpulan dana adalah tinggi, premium bagi semua pemilik polisi dalam kumpulan yang sama mungkin meningkat, termasuk premium anda, **walaupun anda tidak membuat sebarang tuntutan.**

Cara 2 Adakah ia memenuhi keperluan anda?

Apa yang dilindungi?

Bilik & Penginapan Hospital: RM250 had sehari, tiada had hari

Bayaran Pembedahan: Seperti Yang Dicaj, tertakluk kepada RM500 deduktibel

Manfaat yang perlu dibayar adalah atas dasar tanpa tunai dan tertakluk kepada:

- Had tahunan: RM1,000,000
- Had Seumur Hidup: Tiada Had Seumur Hidup

Apa yang tidak dilindungi?

- Masalah kesihatan yang anda alami, atau mempunyai gejala, sebelum membeli plan (seperti keadaan sedia ada)
- Penyakit Tertentu yang berlaku dalam tempoh 120 hari pertama dari Tarikh Bermulanya polisi atau tarikh kuat kuasa perubahan atau tarikh pengembalian semula, mana-mana yang paling terkini.
- Apa-apa rawatan atau operasi pembedahan untuk keadaan kongenital atau kecacatan termasuk penyakit keturunan

Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila baca kontrak polisi anda dengan teliti untuk maklumat lengkap tentang apa yang dilindungi dan tidak dilindungi.

Cara 3 Bolehkah anda membayar premium yang meningkat dari semasa ke semasa?

Premium tahun pertama yang dikenakan kepada anda (umur 30) adalah: RM1,626.00 Setahun.


Jadual Unjuran Premium

Umur	Premium semasa apabila umur dicapai (RM)	Anggaran premium		Dalam jangka masa panjang, anda boleh mengurangkan premium yang perlu dibayar dengan cara memilih plan:
		Berdasarkan inflasi perubatan sebanyak 7% ¹ setahun (RM)	Berdasarkan inflasi perubatan sebanyak 10% setahun (RM)	
30	1,626.00			(a) Deduktibel yang lebih tinggi. (b) Ko-insurans yang lebih tinggi. (c) Had tahunan/seumur hidup yang lebih rendah.
35	1,642.00	2,301.99	2,644.46	
40	1,710.00	3,363.83	4,435.30	
45	1,862.00	5,137.32	7,778.04	
50	2,691.00	10,413.32	18,103.70	

- Unjuran di atas semata-mata untuk **tujuan ilustrasi sahaja.**
- Premium dipengaruhi oleh peningkatan kos rawatan dan peningkatan penggunaan perkhidmatan penjagaan kesihatan oleh pemilik polisi. Ini boleh mengakibatkan kadar inflasi perubatan sebenar lebih tinggi atau lebih rendah daripada ilustrasi di atas. Kami sedang melaksanakan langkah-langkah pembundungan kos yang diperlukan dengan kerjasama pihak berkepentingan lain untuk menguruskan peningkatan premium dari semasa ke semasa.
- Sebahagian besar premium anda disalurkan kepada tuntutan. Secara purata, bagi setiap RM1.00 premium yang dibayar, RM0.72² diperuntukkan bagi membayar tuntutan. Selebihnya akan digunakan untuk membayar komisen kepada penasihat jualan, perbelanjaan pengurusan dan keuntungan syarikat insurans.

¹ Ini adalah peningkatan dari tahun ke tahun dalam purata kos rawatan yang dibilkan oleh hospital kepada industri insurans dan takaful dari tahun 2020 hingga 2023.

² Ini adalah berdasarkan data purata industri insurans dan takaful dari tahun 2021 hingga 2023. Pengalaman sebenar bagi plan yang anda sertai mungkin berbeza daripada purata industri.



Cara 4 Apa lagi yang perlu anda ketahui?

- Anda mesti menjawab soalan yang kami tanyakan dengan menyeluruh dan tepat, mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan, pekerjaan anda, kegiatan peribadi serta menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko ditolak tuntutan atau polisi anda ditamatkan.
- Jika anda memutuskan bahawa anda tidak memerlukan polisi ini dalam tempoh 15 hari kalendar selepas polisi dihantar kepada anda, anda boleh menghubungi kami untuk membatalkan polisi anda dan menerima bayaran balik dengan penuh (ditolak sebarang perbelanjaan pemeriksaan perubatan yang ditanggung).
- Perlindungan anda hanya akan bermula 30 hari kalendar dari Tarikh Bermulanya polisi atau tarikh kuat kuasa perubahan atau tarikh pengembalian semula, mana-mana yang paling terkini, kecuali untuk kecederaan akibat kemalangan.
- Komisen³ yang dibayar kepada penasihat jualan adalah RM151,983.45 atau 15.00% daripada jumlah premium tahunan selama 70 tahun.

Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila baca kontrak polisi anda dengan teliti untuk maklumat lengkap mengenai terma dan syarat utama.

³ Jumlah ini adalah berdasarkan premium semasa apabila umur dicapai.

Cara 5 Adakah anda telah mempertimbangkan produk lain yang mungkin sesuai dengan keperluan anda?

Jadual Produk Pilihan

Nama	Produk Yang Disyorkan	Pilihan Produk Alternatif	
	Zurich Smart Health Pelan A	Pilihan 1 MaxMedic Pelan 4	Pilihan 2 Zurich Infinite Care Pelan 300
Premium Tahunan	RM1,626.00 <i>Ini adalah premium tahun pertama⁴</i>	RM2,050.00 <i>Ini termasuk premium tahunan untuk polisi insurans hayat asas dengan Jumlah Diinsuranskan sebanyak 90,000.00. Premium tahun pertama adalah /lebih tinggi sebanyak RM424.00</i>	RM<<xx>> <i>Ini termasuk premium tahunan untuk polisi insurans hayat asas dengan Jumlah Diinsuranskan sebanyak 90,000.00. Premium tahun pertama adalah lebih tinggi sebanyak RM474.00</i>
Jenis	Fasiliti tanpa tunai <i>'Kami bayar terus kepada hospital'</i>	Fasiliti tanpa tunai <i>'Kami bayar terus kepada hospital'</i>	Fasiliti tanpa tunai <i>'Kami bayar terus kepada hospital'</i>
Tempoh Perlindungan	Sehingga umur 100 <i>'Pembaharuan adalah dijamin tetapi kadar premium tidak dijamin'</i>	20 tahun, dengan penyambungan automatik sehingga umur 80 ⁵ <i>'Pembaharuan adalah dijamin tetapi kadar premium tidak dijamin'</i>	20 tahun, dengan penyambungan automatik sehingga umur 100 ⁵ <i>'Pembaharuan adalah dijamin tetapi kadar premium tidak dijamin'</i>
Ko-insurans/Deduktibel	RM500 deduktibel	H&S: 10% ko-insurans. Min RM200, maks RM1,000 Rawatan pesakit luar: 10% ko-insurans sehingga RM2,000	RM250 deduktibel
Bilik & Penginapan Hospital	RM250 sehari	RM 310 sehari	RM 300 sehari
Bayaran Pembedahan	Seperti yang dicaj	Seperti yang dicaj	Seperti yang dicaj
Had Tahunan	RM1,000,000	RM 125,000	RM 1,800,000

Had Seumur Hidup	Tiada Had Seumur Hidup	RM 1,250,000	Tiada Had Seumur Hidup
⁴ Premium perlu dibayar pada kadar premium mengikut usia yang telah dicapai oleh Hayat yang Diinsuranskan pada setiap ulang tahun polisi.			
⁵ Premium tahunan yang ditunjukkan adalah berdasarkan perlindungan sehingga tempoh perlindungan awal sahaja.			
● Deduktibel: Jumlah tetap yang perlu anda bayar sebelum perlindungan sebenar bermula. Contohnya, deduktibel RM5,000 bermaksud anda perlu membayar RM5,000 dari poket sendiri dan kami akan membayar baki selebihnya (sehingga had yang berkaitan). ● Ko-insurans: Peratusan tetap daripada caj perubatan yang perlu anda bayar. Contohnya, ko-insurans 10% bermaksud anda hanya perlu membayar 10% daripada setiap bil perubatan (sehingga had yang berkaitan), dan kami akan menanggung 90%. ● Had tahunan: Jumlah maksimum yang boleh anda tuntutan dalam tempoh setahun. ● Had seumur hidup: Jumlah maksimum yang boleh anda tuntutan sepanjang hayat anda.			

Jadual ini tidak merangkumi semua ciri dan premium produk yang dibandingkan. Sila tanya kami atau penasihat jualan anda untuk maklumat lanjut mengenai perbezaan ciri-ciri produk dan premium ini.

Manfaat-manfaat yang dibayar adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/01/26.